

Teater *Batu Belah Batu Bertangkup* di UPM, Ahad ini

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Teater *Batu Belah Batu Bertangkup* arahan pensyarah teater, Zainatul Shuhaida Abdul Rahman bakal menemui penonton di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahad ini.

Menurut satu kenyataan di sini, teater anjuran pelajar Kesusasteraan Rakyat Melayu (BBK 3305), UPM yang bermula pada pukul 8 malam itu bertujuan mengetengahkan legenda negeri Perlis yang semakin dilupakan oleh generasi baharu.

Menurut kenyataan tersebut, kisah malang itu mengisahkan tentang Mak Tanjung yang membawa diri menemui batu belah batu bertangkup di dalam hu-

tan kerana kecewa dengan sikap anaknya, Pekan yang ingkar akan pesanannya supaya tidak menghabiskan memakan telur ikan tembakul.

"Pementasan tersebut turut menyampaikan mesej kekeluargaan dan nilai murni yang sesuai ditonton oleh para pelajar, khususnya remaja dan kanak-kanak.

"Diharapkan teater ini berjaya memandangkan pelajar terlibat telah menjalani latihan selama tiga bulan bagi merealisasikan pementasan tersebut," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, teater *Batu Belah Batu Bertangkup* diadakan atas tuntutan subjek BBK 3305 melibatkan pelajar dari Fakulti Bahasa Moden dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.